

04/09/1998

Bahaya rasuah jadi mata pelajaran khas

Matzidi Dris

KUCHING, Khamis - Pendidikan mengenai bahaya rasuah akan dijadikan sebagai mata pelajaran khas dalam kokurikulum sekolah di seluruh negara tidak lama lagi.

Ini selaras dengan usaha dan matlamat kerajaan untuk membanteras sebarang bentuk rasuah menjelang alaf akan datang.

Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) Datuk Shafee Yahaya, berkata kertas cadangan untuk memasukkan bahaya rasuah dalam kokurikulum sudah disiapkan dan dikemukakan kepada Urusetia Khas, baru-baru ini.

Beliau berkata, kertas cadangan itu akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet akan datang.

Katanya, usaha itu berikutan cadangan Kementerian Pendidikan bagi membolehkan masyarakat, guru dan pelajar memahami tanggungjawab menangani gejala sosial yang berpunca daripada penerimaan rasuah.

"Guru boleh menjadikan mata pelajaran itu sebagai aset penting dalam memberi khidmat sosial kepada masyarakat, selain sebagai benteng untuk mengelak generasi muda terbabat dalam kegiatan rasuah.

"Cadangan itu dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan kepada BPR berikutan gerakan 'Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia' yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 8 Januari lalu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan Jasamu Dikenang bagi meraikan beliau dan isteri Datin Kalsum Taib, yang akan bersara daripada perkhidmatan kerajaan pada 12 September ini, di sebuah hotel, di sini, malam tadi.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Tan Sri Hamid Bugo, Pengarah BPR Sarawak Borhan Ujang dan Datuk Bandar Kuching Utara Awang Ehsan Joini.

Shafee, 56, sudah bersara daripada perkhidmatan kerajaan pada 12 September 1997, bagaimanapun perkhidmatannya disambung secara kontrak selama setahun yang berakhir 12 September ini.

Beliau berkata, Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang mula diguna pakai di seluruh negara pada 8 Januari lalu, didapati sungguh berkesan.

Katanya, ini berdasarkan peningkatan jumlah maklumat yang diterima dan tangkapan oleh BPR di seluruh negara, meskipun akta itu baru diperkenalkan kira-kira tujuh bulan lalu.

Menurutnya, sejak ia dikuatkuasakan sehingga penghujung Jun lalu jumlah tangkapan di seluruh negara telah meningkat sehingga 20 peratus, berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

"Sepanjang enam bulan pertama tahun ini, BPR telah menerima lebih 5,000 maklumat berhubung pelbagai bentuk kegiatan rasuah, berbanding sepanjang tahun lalu pihak kami menerima maklumat lebih 10,000," katanya.

Mengenai jumlah kes rasuah di Sarawak beliau berkata, dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, sebanyak 22 kes tangkapan telah dibuat, berbanding hanya 21 kes tangkapan sepanjang tahun lalu.

Beliau berkata, ini menunjukkan bahawa masyarakat negeri ini memahami peranan yang harus mereka mainkan dalam usaha untuk membanteras rasuah.

(END)